SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Bil.(20)dlm.IPK.SEL.SPBT
700-1/7/2
Syaaban 1441H
1 April 2020

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan – Badan Berkanun dan Anak – Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/ Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/YAD Dato' Setia/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/ Puan,

PERUBAHAN WAKTU OPERASI DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

2. Selaras dengan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Keselamatan Negeri Selangor Bil. 3/2020 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 30 Mac 2020 serta ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara: Pengurusan COVID-19 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 31 Mac 2020, Kerajaan Negeri telah menetapkan **waktu operasi terkini** bagi beberapa aktiviti dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan berkaitan penularan wabak COVID-19 peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut:

Perkhidmatan		**Waktu Operasi Terkini**
Pasar Borong	:	4.00 pagi – 10.00 pagi
Pasar Awam	:	6.00 pagi – 12.00 tengahari
Pasaraya, Kedai Runcit & Serbaneka	:	8.00 pagi – 8.00 malam
Restoran [bawa pulang dan servis penghantaran (*delivery service*)]	:	8.00 pagi – 8.00 malam

Tel.: 03-5514 2134 (Terus), 03-5544 7042/7043/7045/7520 Faks: 03-5510 3062

PERUBAHAN WAKTU OPERASI DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Perkhidmatan		**Waktu Operasi Terkini**
Pusat Servis Kenderaan / Kedai Alat Ganti Kereta	:	9.00 pagi – 4.00 petang
Perkhidmatan Penghantaran [Makanan & Barangan Runcit (*groceries*)]		8.00 pagi – 8.00 malam
Pengangkutan Awam	:	6.00 pagi – 10.00 pagi; **dan** 5.00 petang – 10.00 malam
Pengangkutan Komersial	:	**Digalakkan beroperasi** mulai pukul 7.00 malam – 7.00 pagi
E-hailing & Teksi	:	6.00 pagi – 10.00 malam
Stesen Minyak	:	8.00 pagi – 8.00 malam

3. Perubahan waktu operasi ini akan **berkuatkuasa mulai 1 April 2020** dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan adalah tertakluk kepada perubahan daripada semasa ke semasa. Segala kerjasama bagi memastikan penularan wabak ini dapat dibendung adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.